

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 15 APRIL 2015 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Pergiatkan promosi MGDM hasilkan rekabentuk produk berkualiti - Ewon	Bernama.com
2	Satelit RazakSAT-2 dilancar di Amerika Selatan tahun depan	Utusan Malaysia
3	RazakSAT-2 dilancar di Amerika Selatan tahun depan	Kosmo
4	OUM introduces Master of Quality Management programme	The Sun
5	MOSTI Channel di saluran Astro	Bernama.com
6	18 kementerian catat 100%	Utusan Malaysia
7	Bergelap untuk kelangsungan planet bumi	Kosmo
8	Implementing sustainable growth	New Straits Times
9	JKJR tidak galak penunggang motosikal berkuasa tinggi konvoi dalam jumlah yang besar	Bernama.com



Pergiatkan Promosi MGDM Hasilkan Rekabentuk Produk Berkualiti - Ewon

PUTRAJAYA, 14 April (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) menggesa [Majlis Rekabentuk Malaysia \(MRM\)](#) mempergiatkan usaha mempromosi 'Malaysia Good Design Mark' (MGDM) bagi menghasilkan rekabentuk produk berkualiti, inovatif dan kekal kompetitif di pasaran global.

[Menteri berkenaan, Datuk Dr Ewon Ebin](#) berkata MGDM yang diperkenalkan sejak 1997 merupakan pengiktirafan terhadap usaha sektor perindustrian dalam melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan berterusan untuk meningkatkan kualiti produk.

"Sehingga kini, sebanyak 448 syarikat telah menerima pengiktirafan MGDM, khususnya syarikat mikro industri dalam kategori pembungkusan. Kini, sebanyak 78 buah syarikat bumiputera mendapat pengiktirafan MGDM.

"Saya berharap MRM akan terus mempromosikan MGDM supaya bilangan ini dapat dipertingkatkan pada masa akan datang," katanya pada majlis penyampaian MGDM 2014 di sini malam ini. Hadir sama ialah Pengerusi MRM, Prof Datuk Dr Ahmad Zainuddin.

Pada majlis itu, sebanyak 48 produk daripada 29 syarikat diberi pengiktirafan dalam MGDM 2014 kerana menepati standard penilaian rekabentuk yang ditetapkan.

Ewon juga mengalu-alukan usaha MRM yang sentiasa bekerjasama rapat dengan agensi yang sama di negara maju, antaranya Japan Institute of Design Promotion, Korea Institute of Design Promotion dan German Design Zentrum bagi memastikan kualiti produk menerima MGDM setaraf dengan anugerah rekabentuk terbaik di peringkat antarabangsa.

"Melalui kerjasama strategik seperti ini, saya yakin MRM dapat menimba pengalaman daripada negara Jepun dan Korea," katanya.

Ewon juga menggesa sektor perindustrian tempatan untuk memacu kejayaan melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan produk dengan rekabentuk yang lebih kreatif dan inovatif.

"Bagi produk yang memiliki fungsi teknologi, kualiti dan harga yang hampir sama, rekabentuk yang menjadi penentu sama ada ia akan diterima atau popular di kalangan pengguna," katanya.

Sementara itu, Ahmad berkata MRM akan meneruskan anjakan paradigma sektor perindustrian tempatan dengan berusaha memperkenalkan inisiatif berkaitan bagi membantu produk keluaran tempatan terus menempa nama dan setanding di peringkat antarabangsa.

"Rekabentuk merupakan alat yang strategik dalam mencorak landskap ekonomi negara dan tidak mustahil ia akan menjadikan kita sebagai negara pengeluar produk dengan rekabentuk terbaik di persada antarabangsa," katanya.

Satelit RazakSAT-2 dilancar di Amerika Selatan tahun depan

KOTA SAMARAHAN 14 April - Satelit mikro kedua negara, RazakSAT-2 kini dalam proses akhir pembangunan yang dijangka dilancarkan di Amerika Selatan tahun depan.

Menurut **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah**, satelit tersebut

yang mula dibangunkan pada awal 2013, kini dalam proses penilaian akhir oleh pakar-pakar.

"Kita belum dapat tarikh dan tempat sebenar pelancarannya setakat ini dan ia akan dimaklumkan nanti. Kementerian juga menerima peruntukan sebanyak RM273 juta bagi pembangunan RazakSAT-2.

"Setelah dilancarkan nanti, satelit kedua negara ini akan lebih menumpukan untuk mencerap penggunaan



ABU BAKAR

tanah, pertanian serta penyelidikan yang sekali gus memberi lebih manfaat kepada negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Ekspo Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di sini hari ini.

RazakSAT-2 merupakan kesinambungan program satelit RazakSAT yang dilancar pada 14 Julai 2009. Skop teknologi pembangunan RazakSAT-2 adalah untuk menaik taraf keupayaan sistem terutama dari segi perisian dan peralatan satelit.

Satelit penderiaan jauh pertama negara, RazakSAT dilancar di Kwajalein Atoll, Republik Marshall

Islands menerusi kenderaan pelancar, Falcon 1 yang dikendalikan Space Exploration Technologies Amerika (SpaceX).

Tambah Abu Bakar, RazakSAT-2 juga mampu menjana kira-kira 2,000 pekerjaan dalam bidang kejuruteraan yang akan diisi oleh rakyat negara bagi membuat pemantauan serta penyelenggaraan.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, pihaknya menyasarkan sebanyak 360 produk inovasi menerusi projek berimpak tinggi untuk dikomersialkan pada 2020.

"Kadar penghasilan produk inovasi negara bagi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan RMK-10 hanya merekodkan 8.3 peratus dan kita mahu pada 2020, meningkat kepada 15 peratus dan berharap pada tahun berkenaan produk inovasi mampu menjana pendapatan tinggi buat rakyat negara," ujarnya.

RazakSAT-2 dilancar di Amerika Selatan tahun depan

KUCHING - Satelit mikro kedua negara, RazakSAT-2 kini dalam proses terakhir pembangunan dan ia dijangka dilancarkan di satu lokasi di Amerika Selatan pada tahun depan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, RazakSAT-2 yang mula dibangunkan sejak awal tahun 2013 itu kini dalam proses penilaian akhir oleh pakar-pakar.

"Kementerian sebelum ini telah menerima peruntukan sebanyak RM273 juta bagi pembangunan RazakSAT-2. Kita bagaimanapun belum dapat tarikh dan tempat sebenar pelancarannya namun ia akan dimaklumkan kemudian.

"Apabila dilancarkan, satelit kedua negara itu akan lebih memberi tumpuan untuk menceraip penggunaan tanah, pertanian serta penyelidikan yang sekali gus memberi lebih manfaat kepada negara," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Ekspo Penyelidikan dan Pembangunan di Universiti Malaysia Sarawak di sini semalam.

RazakSAT-2 merupakan kesinambungan Program Satelit RazakSAT yang di-



ABU BAKAR (tengah) mendengar penjelasan mengenai salah satu hasil ciptaan penyelidik sambil diperhatikan Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Datuk Dr. Mohamad Kadim Suaidi (kiri) selepas merasmikan Ekspo Penyelidikan dan Pembangunan di kampus Unimas, Kuching semalam.

lancar pada 14 Julai 2009 dan skop teknologi pembangunan satelit berkenaan adalah untuk menaik taraf keupayaan sistem terutama dari segi perisian dan peralatan satelit.

Satelit penderiaan jauh pertama negara, RazakSAT dilancarkan di Kwajalein Atoll, Republik Marshall Is-

lands menerusi kenderaan pelancar, Falcon 1.

Mengulas lanjut, Abu Bakar memberitahu, menerusi RazakSAT-2 ia bakal menjana kira-kira 2,000 peluang pekerjaan dalam bidang kejuruteraan yang akan diisi oleh rakyat negara ini khusus bagi melakukan pemantauan serta penyelenggaraan.

OUM introduces Master of Quality Management programme

OPEN University Malaysia (OUM) recently launched a new course called the Master of Quality Management programme.

The two-year programme is developed by the university's faculty of science and technology and focuses on capacity building in quality management. Specifically, capacity building involves a country's human, scientific, technological, organisational, institutional and resource capabilities. It is said to be suitable for individuals beginning or enhancing their career as quality

assurance managers, service quality managers or quality engineers.

Conducted by qualified personnel from SIRIM Training Services Sdn Bhd and OUM academics, the programme comprises 12 modules where students will gain knowledge in planning, developing and implementing quality systems and standards at their organisations, based on total quality management principles. In addition, students will also gain first-hand experience from SIRIM experts.

Science, Technology and Innovation deputy minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, who launched the programme, said the objective of both SIRIM and OUM in this collaboration, is to engender graduates that are of global standard, which will promote Malaysia's growth towards achieving vision 2020.

The programme is ideal and can benefit those from various industries including those working as occupational health and safety experts, systems and process analysts, internal or external auditors, management consultants and compliance officers.

Programme graduates will receive credentials as both a Certified Quality Engineer (CQE) and Certified Quality Manager (CQM) upon passing the SIRIM assessment. For more information, log on to the OUM website.



From left: Sirim Berhad president and chief executive Datuk Dr Zainal Abidin Mohd Yusof, Abu Bakar and OUM president and vice-chancellor Prof Emeritus Tan Sri Anuwar Ali at the launch of the new programme.



MOSTI Channel Di Saluran Astro

KOTA SAMARAHAN, 14 April (Bernama) -- Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan memiliki saluran TV yang boleh dilanggan oleh orang ramai menerusi siaran Astro tidak lama lagi, khusus menyampaikan maklumat mengenai penyelidikan pelbagai produk baharu yang berinovasi di dalam negara.

Timbalan Menterinya Datuk Dr Abu Bakar Mohammad Diah berkata saluran 'MOSTI Channel' itu akan mengambil konsep dokumentari hampir sama seperti National Geographic, memaparkan produk terbaik hasil penyelidikan dan inovasi dari Malaysia.

Beliau berkata penekanan akan diberi kepada penyelidikan mantap yang dilaksanakan, dan penggambaran dibuat dari tempat penyelidikan dijalankan bagi membolehkan orang ramai melihat sendiri kehebatan produk tempatan.

"Saya sudah dapat bajet untuknya, insya-Allah tidak lama lagi," katanya semasa berucap merasmikan Ekspo R&D Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), di Bankuet Mutiara, Dewan DeTAR Putera Unimas, di sini.

Sebanyak 130 hasil R&D daripada kalangan para akademik UNIMAS yang meliputi pelbagai bidang dipamerkan dalam ekspo dua hari di Unimas yang bermula Selasa.

Ekspo itu merupakan aktiviti tahunan UNIMAS yang mengetengahkan R&D dalam transformasi pendidikan, yang berpaksikan kepada inovasi dan kreativiti bagi mencapai hasrat mengarusperdanakan penemuan menerusi pelbagai kajian.

Sementara itu merujuk kepada Satelit mini kedua Malaysia, RazakSAT-2 yang dijangka dilancar awal tahun depan, Abu Bakar berkata pelancaran satelit penderiaan jauh itu akan memberi pekerjaan kepada 2,000 jurutera tempatan apabila dilancarkan nanti.

Menurutnya kerajaan juga berhasrat memastikan kepakaran dan teknologi tempatan diguna pakai sepenuhnya dalam mengawal serta mengumpul data, tanpa bantuan pihak luar.

Beliau berkata kerajaan menyediakan peruntukan RM273 juta kepada MOSTI bagi melaksanakannya, dan pihaknya sedang dalam proses mencari kontraktor yang sesuai sebagai rakan kongsi.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3
TARIKH: 15 APRIL 2015 (RABU)**



NAJIB TUN RAZAK beramah mesra dengan Ketua Pegawai Eksekutif Teraju, Datuk Husni Salleh dan penerima wafiah lantikan anggota Majlis Penasihat Industri Inskan selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera di Putrajaya, semalam. Turut kelihatan, Abdul Wahid Omar (dua dari kiri) dan Ali Hamsa (kiri). - BERNAMA

Sasaran 129 petunjuk prestasi utama bumiputera tahun lalu

18 kementerian catat 100%

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 14 APRIL

SEBANYAK 18 dari 23 kementerian dan agensi kerajaan berjaya mencatatkan 100 peratus pencapaian bagi 129 petunjuk prestasi utama (KPI) bumiputera yang ditetapkan tahun lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sebanyak empat kementerian lain mencapai sekurang-kurangnya 80 peratus KPI manakala satu kementerian lagi gagal mencapai sasaran.

Beliau memberitahu, bagi tahun ini, Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) memperakukan sebanyak 99 KPI bumiputera untuk kesemua

23 kementerian dan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

"Bilangan KPI tahun ini lebih rendah dari tahun sebelumnya kerana kita ingin melihat semua kementerian melaksanakan KPI yang berimpak tinggi, bersifat berasaskan hasil dan mempunyai sasaran yang lebih tinggi daripada 2014," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat MEB dan melancarkan Majlis Penasihat Industri Institut Keusahawanan Negara (Inskan) di sini hari ini.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa.

Najib berkata, antara pencapaian utama yang diraih oleh 18 ke-

menterian itu adalah penyediaan dana khas pembangunan keusahawanan bagi program latihan K-workers dan bilangan kedai runcit yang dinaik taraf di bawah Program Transformasi Kedai Runcit (Tukar) selain pelaksanaan dasar yang menumpukan pada syarikat bumiputera untuk melaksanakan projek Mass Rapid Transit.

"Ini adalah satu pencapaian yang cukup baik. KPI bumiputera penting bagi menentukan agenda ekonomi bumiputera dilaksanakan oleh semua kementerian dan agensi kerajaan," katanya.

Perdana Menteri berkata, bagi tahun ini, antara KPI bumiputera untuk semua kementerian dan agensi adalah peningkatan siswazah berstatus bekerja semasa hari

konvokesyen dan peratusan pelajar yang mengikuti pengajian di institusi pendidikan Mara mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan.

Selain itu, menurut Najib, tumpuan juga pada pemindahan teknologi kepada bumiputera dengan nilai kontrak sekurang-kurangnya RM200 juta dan penajaan nilai pasaran sebanyak RM2 bilion selain sebanyak 150 francais bumiputera baharu diwujudkan dengan nilai perolehan sekurang-kurangnya RM48 juta.

Dalam pada itu, Perdana Menteri memberitahu, MEB kini dalam usaha membangunkan usahawan bumiputera melalui penekanan aspek modal ilmu, modal kemahiran dan modal sosial.

Berikutan itu, jelas beliau,

dalam Bajet 2015, Inskan dilantik sebagai pusat kecemerlangan keusahawanan di bawah kawal selia Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) untuk memberi tumpuan kepada latihan pembangunan kapasiti dan keupayaan.

Jelas Perdana Menteri, selaras matlamat itu Inskan telah menubuhkan Majlis Penasihat Industri yang akan menyediakan platform untuk usahawan berkongsi pengetahuan mengenai industri dengan usahawan lain.

"Inskan juga akan bekerjasama dengan Pusat Inovasi dan Kreatif Global Malaysia (Magic), Universiti Tun Abdul Razak dan Technology Park Malaysia dalam meningkatkan keupayaan bumiputera dalam bidang keusahawanan," katanya.

KERATAN AKHBAR TEMPATAN
KOSMO (INFINITI) : MUKA SURAT 33
TARIKH: 15 APRIL 2015 (RABU)

Bergelap untuk kelangsungan planet Bumi

Penduduk negara ini bersama masyarakat dunia memadamkan lampu selama satu jam bagi menyokong kempen kesedaran perubahan iklim dunia

SETIAP tahun acara menutup suis lampu selama satu jam atau dikenali sebagai Earth Hour diadakan bagi menyokong usaha sebuah badan bukan kerajaan, Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF) dalam menyebarkan kesedaran mengenai masalah perubahan iklim yang semakin membimbangkan.

Earth Hour merupakan komponen yang penting terhadap kerja-kerja WWF dalam usaha mengurangkan pemebebasan gas rumah hijau, membuat persediaan terhadap impak perubahan iklim serta mengagah kehidupan habitat dan keseimbangan ekosistem.

Kempen yang diadakan itu turut menyaksikan komitmen masyarakat terhadap memelihara kelangsungan bumi di samping memberi satu dimensi baharu kepada penduduk dunia dalam penjagaan dan pemuliharaan alam semula jadi.

Acara yang diadakan pada Sabtu terakhir, Mac setiap tahun itu mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelbagai pihak termasuk individu, komuniti, syarikat korporat dan badan kerajaan di seluruh dunia termasuk Malaysia.

Pada tahun ini, acara tahunan yang diadakan pada 28 Mac lalu itu bertepatan *Ganatan Kuasa Anda Untuk Mengubah Perubahan Iklim* menyasarkan untuk memberi motivasi kepada orang ramai agar meneruskan usaha memastikan persekitaran yang mampan hasil kejayaan daripada Earth Hour 2014.

Selain mengadakan inisiatif

menutup suis lampu selama satu jam sebagai tanda sokongan, pelbagai program menarik dianjurkan di seluruh negara seperti *Earth Hour 2015 Night Walk* yang diadakan dengan kerjasama pihak korporat di Pulau Pinang dan Petaling Jaya, Selangor.

Larian yang diadakan serentak di kedua-dua negeri itu menarik ratusan peserta untuk berjalan sejauh 1.8 kilometer (km) di Sunway Pyramid dan 3km di sekitar kawasan bersejarah di George Town.

Pada masa sama, ia bagi mengumpul dana untuk membantu WWF Malaysia menjalankan kerja-kerja konservasi planet Bumi.

Lilin

Sementara itu, di Pekan, Pahang, Hotel Ancasa Royale turut terlibat dengan memadamkan lampu yang tidak perlu di seluruh kawasan hotel selama sejam dari pukul 8.30 malam hingga 9.30 malam.

Pihak hotel turut menyusun sebanyak 930 batang lilin bagi membentuk simbol 60+ iaitu logo rasmi Earth Hour yang melambangkan masa 60 minit kempen tersebut berjalan.

Kempen berkenaan memberikan tumpuan terhadap kesan perubahan iklim dan mengambil tindakan positif terhadap isu alam sekitar.

Tidak ketinggalan di ibu kota, bangunan ikonik negara, Menara Berkembar Petronas yang sebelum ini diliputi cahaya lampu bagi menonjolkan kemegahan binaan tersebut turut bergelap seketika bagi mengolng

usaha antarabangsa itu.

Di Planetarium Negara, **Agensi Angkasa Negara** yang merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi tidak ketinggalan untuk menganjurkan program *A Night @ Planetarium*.

Aktiviti menarik

Pengunjung yang hadir disajikan dengan pelbagai aktiviti menarik dan ilmiah seperti pameran astrofotografi, pencerapan malam dan membuat model oreri untuk kanak-kanak iaitu sejenis jam yang direka oleh George Graham untuk menunjukkan kedudukan bandingan dan gerakan planet-planet di dalam sistem solar.

Susana gelap di Planetarium Negara diterangi dan diceritakan dengan cahaya lilin serta tanglung buatan sendiri.

Di samping itu, program yang memasuki tahun ke-6 tersebut juga diisi dengan aktiviti lain seperti forum khas mengenai pencerapan cahaya dan wayang pakay yang menayangkan filem *Gravity*.

Turut mengahil bahagian dalam acara tahunan tersebut ialah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam dengan menampilkan Karnival Earth Hour di Petaling Jaya.

yang menyediakan pelbagai aktiviti menarik seperti aktiviti kebudayaan, persembahan muzik dan pendidikan alam sekitar.

Sempena Earth Hour, WWF turut menganjurkan *in Caharian Bandar* Earth Hour 2015 bagi menggalakkan penggunaan tenaga boleh dipulihkan dalam kalangan pihak berkepentingan di seluruh dunia.

Buat pertama kalinya, Petronas, Petaling Jaya dan Shah Alam diiktiraf sebagai pemenang *Earth Hour* berikutan pengumuman diumumkan pada 28 Mac 2015. Anugerah *Bandar Earth Hour* diadakan pada 8 April 2015 di Kuala Selat, Kedah.

Kedua-dua bandar raya tersebut berikutan usaha berterusan dalam tempatan untuk menggalakkan masyarakat menggunakan tenaga boleh dipulihkan dalam kehidupan seharian.

ironaalam

KEMPEN Earth Hour yang dijalankan setiap tahun ini bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai perubahan iklim dunia.

PELAJAR Sekolah Kebangsaan Tasik Chini, Pekan, Pahang menakai gelungan bercahaya sempena Earth Hour 2015 yang lalu.

SEBAGIAN penduduk di seluruh dunia bergelap selama satu jam sempena kempen Earth Hour 2015.

Implementing sustainable growth

MOVING FORWARD:

We need to fill the gaps that exist in our goal towards green growth



DR AHMAD
IBRAHIM

PLANNING for economic growth has always been strongly emphasised. The Economic Planning Unit (EPU) in the Prime Minister's Department is synonymous with the country's development planning. Few would dispute that. Literally all the country's five year plans had their beginnings within the corridors of the EPU. The fact that all such plans have positively transformed the nation into one that we witness today owes in no small measure to the brilliant minds behind the meticulous planning that the EPU is well known for. So much so that the expertise within the EPU has been much sought after by other developing nations in their attempt to emulate Malaysia's success story. In short, we should all be proud of what EPU has done for the country.

However, times have changed. We are fast moving into an era where planning for economic gains alone is no longer sufficient. In these days of climate change, glob-

al warming, intensifying world competition and challenging demographics, it is almost impossible to sustain economic prosperity without taking into account the impacting influence of the environment and the changing demands of society. Gone are the days when countries can opt for a growth path which ignores the need to maintain a healthy environment as well as one which does not promote equitable returns to society. Nowadays, the whole world watches what we do. Even clearing our own forests for our own development attracts all kinds of negative connotations. Often times, this can be at the expense of the business we are trying hard to build. A good example is what the palm oil industry is now up against. And this is despite the fact that it is the most sustainable among the world's oil crops.

Planning for sustainable growth is now the global order. The United Nations itself is now in the midst of crafting the Sustainable Development Goals (SDGs), which will be a follow up to the Millennium Development Goals, (MDGs). Professor Jeffrey Sachs, who is one of the principal actors in the drafting of the UN SDGs, was in town recently as guest of the Sunway University. He spoke passionately on the important issue of sustainable development, especially why it has reached a critical stage for humanity.

With a slight tinge of sadness and frustration, he was literally appealing to the world to take sustainable development seriously. Ignoring such a call can be disastrous for the world. He expressed concern over the weakening political will to truly commit to sustainable development.

He, however, praised Malaysia for already pursuing the path to-

wards sustainable development. In fact the New Economic Model (NEM), which defines the nation's development framework reflects the commitment by the government towards sustainable growth. NEM's three-prong objectives of high income with inclusiveness and sustainability convey a strong message of sustainable development. In fact, word has it that the country's 11th Malaysia Plan will also be guided by the principles of sustainable development where innovation will be the instrument of growth. The fact that the government has created a ministry dedicated to green growth was also cited as another positive move by the government.

Though the policy is well and good, what gets translated on the ground is still replete with gaps. The Cameron Highlands tragedy, for example, sticks out like a sore thumb. Also what was revealed in the country's recent encounter with the nation's worst floods clearly demonstrates the gaps that exist when it comes to implementation. Add to that the growing list of our rivers which have become polluted, we should begin to worry that our plan is not truly working. We need to close these gaps. We need to communicate and educate the public that we are serious about sustainable development. We need to show that we mean business in the budget that we draw. For example, the sustainable development agenda calls for more strategic investment in the sciences. It may be time for the EPU to now migrate to become the nation's Sustainable Development Planning Unit. That would send the message not only to Malaysians but to the world that we mean what we say.

The writer is a Fellow at Academy of Sciences Malaysia



The recent devastating floods in Cameron Highlands highlight the fact that our sustainable growth plans leave much to be desired.



JKJR Tidak Galak Penunggang Motosikal Berkuasa Tinggi Konvoi Dalam Jumlah Besar



Gambar HiasanKuantan, 14 April (Bernama) -- Penunggang motosikal berkuasa tinggi tidak digalak menganjurkan konvoi dalam jumlah yang besar kerana ia berisiko tinggi ditimpa kemalangan jalan raya.

Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Abdul Haris Lakar berkata jika salah seorang peserta konvoi terjatuh, lazimnya beberapa rakan di belakang akan terlibat sama kerana tidak sempat mengelak atau memberhentikan motosikal.

"Lebih baik jika konvoi dilakukan dalam dua atau tiga orang sahaja, dan diselang dengan dua atau tiga orang lagi di belakang, dalam jarak yang selamat," katanya.

Abdul Haris berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri program advokasi khas bersama JKJR di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kampus Kuantan, Selasa.

Beliau berkata kesilapan yang sering dilakukan penunggang motosikal berkuasa besar semasa berkonvoi adalah menggunakan laluan paling kanan.

Sedangkan laluan itu sebenarnya untuk tujuan memotong dan kenderaan yang menggunakannya perlu kembali ke laluan tengah selepas selesai memotong, kata beliau.

"Ada pengguna jalan raya lain membuat rungutan mengenai situasi yang mereka hadapi dengan konvoi motosikal berkuasa tinggi ini. Sebab itu kita harap mereka (berkenaan) boleh melaksanakan aktiviti berkonvoi secara berhemah.

"Lakukan dalam kumpulan yang kecil, ikut peraturan dan had laju yang selamat serta dapatkan khidmat 'marshall' yang bertauliah selain mempunyai seorang 'sweeper' di akhir konvoi," katanya.

Selain itu, Abdul Haris mengingatkan semua penunggang motosikal agar menggunakan topi keledar yang menepati spesifikasi [SIRIM](#) kerana ia telah menjalani ujian ketahanan.

"Masih ada penunggang motosikal yang menggunakan topi keledar berbentuk separuh atau 'kura-kura' yang sebenarnya dibuat untuk tujuan rekreasi dan tidak sesuai digunakan atas jalan raya," katanya.

Pada program itu, JKJR mengadakan demonstrasi yang menunjukkan topi keledar tanpa kelulusan SIRIM mudah dipecahkan dengan hanya menggunakan tukul.

Abdul Haris kemudian menyampaikan sumbangan 100 topi keledar dan 100 jaket dan pelekat pantulan cahaya kepada kakitangan dan penuntut UIAM yang melalui laluan utama kampus itu.

--BERNAMA